

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED JAGUNG MANIS
(REF : PIAWAIAN MALAYSIA MS : 1229 : 1991)

1.0 SKOP

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk manis segar atau nama botaninya *Zea mays* L. dari keluarga Gramineae. Bagi tujuan ini, standard ini akan meliputi jagung manis dari varieti Taiwan Supersweet, U.S. Supersweet dan Thai Supersweet yang dipasarkan segar sebagai jagung tongkol.

2.0 DEFINASI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

2.1 *Ovul* – biji jagung manis yang berwarna putih susu dan belum berisi sepenuhnya.

2.2 *Kernel* – biji jagung manis yang berwarna kuning dan berisi padat.

2.3 *Kematangan* - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

2.3.1 Belum matang.

Jagung manis yang dituai kurang daripada 58 hari selepas ditanam. Biji jagung di peringkat ovul, rerambut berwarna putih keperangan dan kulit berwarna hijau muda.

2.3.2 Matang.

Jagung manis yang dituai antara 58 hingga 60 hari selepas ditanam. Biji jagung diperingkat kernel, rerambut berwarna perang kehitaman dan mulai kering. Kulit berwarna hijau tua dan masih segar. Kandungan bahan pepejal larut antara 12.5 hingga 16.2 peratus.

2.3.3 Lebih matang.

Jagung manis yang dituai lebih dari 60 hari selepas ditanam. Kernel jagung menunjukkan kesan lekuk. Rerambut berwarna kehitaman dan kering. Kulit berwarna hijau keperangan dan kering.

2.4 *Segar* – Kernel jagung yang tegar, berkilat dan tidak kecut.

2.5 *Penuh terisi* – Kernel yang terbentuk penuh dan teratur di sekeliling tongkol.

2.6 *Kecacatan* – Jagung manis yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor dan cacat.

2.6.1 *Kotor* – Jagung manis yang terdapat kesan-kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.

2.6.2 *Cacat* – Tongkol jagung manis yang tidak terisi penuh disebabkan pembentukan kernel yang tidak sempurna dan tidak menyerupai normal. Bahagian tongkol yang tidak terisi hendaklah melebihi 10% permukaan tongkol.

2.7 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal disebabkan pengendalian yang akan menjejaskan jangka hayat simpanan, pemakanan dan kualiti.

2.8 *Garispusat* – Ukuran terbesar tongkol jagung manis yang masih berkulit pada sudut 90 darjah garis lintang.

2.9 *Panjang* – Ukuran dari pangkal ke hujung tongkol yang berisi penuh.

3.0 KEPERLUAN MINIMUM

3.1 Tangkai jagung manis tidak melebihi 5 cm dari pangkal tongkol.

3.2 Tongkol jagung manis telah dibuat perapian dengan membuang empat helai kulit luar.

3.3 Agak bebas daripada kerosakan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.

3.4 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.

3.5 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.

4.0 PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Jagung manis dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (MAKSIMUM)
Premium	Jagung manis dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih, penuh terisi dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 3 % Segar < 3 % Rosak $\leq$ 3% Kecacatan $\leq$ 3% Keseragaman saiz $\leq$ 5%
1	Jagung manis dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih, penuh terisi dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 3 % Segar < 3 % Rosak $\leq$ 3% Kecacatan $\leq$ 5% Keseragaman saiz $\leq$ 10%
2	Jagung manis dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih, penuh terisi dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 3 % Segar < 3 % Rosak $\leq$ 5 % Kecacatan $\leq$ 10% Keseragaman saiz $\leq$ 10%

4.2 Bagi Jagung manis, saiz ditentukan oleh panjang dan garispusat dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut;

SAIZ	KOD	PANJANG (cm)	GARISPUSAT (cm)
Besar	L	$\varnothing$ 17.1	> 5
Sedang	M	14.1 – 17	4 - 5
Kecil	S	10 – 14	3.5 - 4

5.0 PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

Jagung manis daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.2 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg

5.3 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.3.1 Tarikh:
- 5.3.2 Nama/Kod Penanam
- 5.3.3 Nama/Kod pengeksport/ Kod pengimport
- 5.3.4 No. Kad Pengenalan
- 5.3.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.3.6 Alamat
- 5.3.7 Komoditi
- 5.3.8 Berat bersih
- 5.3.9 Gred

6.0 PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "Method of Sampling For Fresh Vegetables", atau kaedah statistik yang dipersetujui.